

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara Utama

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara menyeluruh pada akhir tahun 2021, di samping dapat membantu Kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM2.117 bilion iaitu meningkat sebanyak RM295.54 juta (16.2%) berbanding RM1.821 bilion pada akhir tahun 2020.
- Baki Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2021 berkurangan sebanyak RM38.97 juta (4.4%) menjadikannya berjumlah RM848.81 juta berbanding RM887.78 juta pada tahun 2020. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM224.96 juta (48.1%) menjadi RM692.24 juta berbanding RM467.28 juta pada tahun 2020.
- Pelaburan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada pelaburan wang awam dan pelaburan dalam Penyata Akaun Memorandum Aset pada tahun 2021 berjumlah RM2.149 bilion iaitu meningkat sebanyak RM158.52 juta (8%) berbanding RM1.991 bilion pada tahun 2020.
- Prestasi perbelanjaan projek pembangunan Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah memuaskan iaitu sebanyak RM205.58 juta (69.9%) telah dibelanjakan berbanding RM294.11 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 2,507 jumlah projek yang dirancang, 2,394 projek (95.5%) telah disiapkan sepenuhnya, 42 projek (1.7%) sedang dilaksanakan dan 71 projek (2.8%) terdiri daripada projek belum mula, lewat dari jadual dan projek batal.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 berkurangan sebanyak RM115.63 juta (46.6%) menjadi RM132.38 juta berbanding RM248.01 juta pada tahun 2020. Pada akhir tahun 2021, tiada tunggakan bayaran balik hutang kepada Kerajaan negeri.
- Baki Hutang Awam pada akhir tahun 2021 menurun sebanyak RM4.22 juta (8.5%) menjadi RM45.41 juta berbanding sejumlah RM49.63 juta pada tahun 2020. Tiada hutang baharu diambil dari Kerajaan Persekutuan dalam tahun 2021 dan tiada tunggakan bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan.
- Akaun Belum Terima (ABT) mencatat penurunan sebanyak RM13.58 juta (13.6%) menjadi RM86.03 juta pada tahun 2021 berbanding sebanyak RM99.61 juta pada tahun 2020. Sejumlah RM21.63 juta tunggakan hasil yang tidak boleh didapatkan di bawah Arahan Perbendaharaan 328(a) telah dihapus kira melibatkan empat Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di Pulau Pinang dan satu Unit Pinjaman Penuntut.

**Apa Yang
Disyorkan
Audit**

- Kerajaan negeri disyorkan untuk mengambil tindakan berikut:
 - mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan pelaburan dengan lebih teratur bagi memastikan Simpanan Tetap mengikut kategori di Penyata Kewangan adalah tepat;
 - meneruskan usaha meningkatkan kutipan hasil dan terus mengamalkan perbelanjaan berhemat bagi memastikan kedudukan kewangannya kekal kukuh;
 - mengkaji semula Arahan Akaun Amanah bagi memastikan akaun-akaun amanah dikendalikan dengan teratur selaras dengan tujuan penubuhannya;
 - menyemak kembali senarai deposit dan mengambil tindakanewartakan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan;
 - JKN perlu melaksanakan pengujian di peringkat pembangunan dengan lebih teliti dan menyeluruh bagi memastikan ketepatan angka laporan yang dijana melalui iSPEKS;

- meneruskan usaha untuk mengutip tunggakan hasil berjumlah RM86.03 juta pada akhir tahun 2021 terutama tunggakan cukai tanah; dan
- memberi perhatian serius kepada ABT yang telah melebihi tempoh enam tahun memandangkan 71.3% daripada jumlah keseluruhan ABT telah melebihi tempoh tersebut dan sebahagian ABT adalah tertakluk kepada Akta Had Masa 1953 (Akta 254).

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL 2021 – RM692.24 juta 2020 – RM467.28 juta	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN 2021 – RM848.81 juta 2020 – RM887.78 juta	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT 2021 – RM132.38 juta 2020 – RM248.01 juta
↓ BELANJA 2021 – RM836.48 juta 2020 – RM849.39 juta	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN 2021 - RM0.00 2020 - RM0.00	↓ PELABURAN 2021 – RM229.48 juta 2020 – RM232.99 juta
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN 2021 – RM1.268 bilion 2020 – RM933.68 juta	↓ HUTANG AWAM 2021 – RM45.41 juta 2020 – RM49.63 juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2021, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2021, **Kerajaan negeri mencatatkan defisit keseluruhan berjumlah RM144.24 juta berbanding defisit berjumlah RM382.11 juta pada tahun 2020 iaitu penurunan sebanyak RM237.87 juta (62.3%)**.

Penurunan defisit tahun semasa adalah disebabkan kutipan hasil meningkat sebanyak RM224.96 juta kepada RM692.24 juta berbanding RM467.28 juta pada tahun 2020.

3.3. Kutipan hasil ini tidak dapat menampung perbelanjaan berjumlah RM836.48 juta, yang terdiri daripada perbelanjaan mengurus berjumlah RM630.90 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM205.58 juta. Selain itu, termasuk dalam perbelanjaan mengurus adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM100 juta. Defisit hasil dibiayai oleh Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan berjumlah RM163.41 juta.

3.4. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah kukuh di mana hasil meningkat sebanyak RM224.96 juta (48.1%) menjadi RM692.24 juta berbanding RM467.28 juta pada tahun 2020. Prestasi kewangan ini juga ditampung oleh Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan berjumlah RM163.41 juta. Kedudukan prestasi kewangan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	692.24	467.28	224.96	48.1
<i>Tolak:</i>				
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	630.90	584.06	46.84	8.0
Perbelanjaan Pembangunan	205.58	265.33	(59.75)	(22.5)
SURPLUS / (DEFISIT)	(144.24)	(382.11)	237.87	62.3
Dibiayai Oleh:				
Pinjaman	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	163.41	89.59	73.82	82.4
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(19.17)	292.52	(311.69)	(106.6)
JUMLAH	144.24	382.11	(237.87)	(62.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada akhir tahun 2021, Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM2.117 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk Wang Tunai berjumlah RM197.07 juta dan Pelaburan berjumlah RM1,919.93 juta. Analisis Audit mendapati **baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun meningkat sebanyak RM295.54 juta (16.2%) iaitu daripada RM1.821 bilion pada tahun 2020 menjadi RM2.117 bilion pada tahun 2021**. Punca peningkatan adalah disebabkan peningkatan dalam Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM334.51 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Hasil Disatukan	848.81	887.78	(38.97)	(4.4)
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,268.19	933.68	334.51	35.8
<i>i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	310.12	203.06	107.06	52.7
• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	84.57	26.74	57.83	216.3
• <i>Akaun Penyelesaian</i>	0.00	0.05	(0.05)	(100.0)
• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	225.55	176.27	49.28	28.0
<i>ii. Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	796.14	552.90	243.24	44.0
<i>iii. Deposit</i>	161.93	177.72	(15.79)	(8.9)
JUMLAH	2,117.00	1,821.46	295.54	16.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020


4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh lima tahun menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2017 hingga 2019 dan menurun pada tahun 2020. Bagaimanapun, kembali meningkat pada tahun 2021. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang tertinggi adalah pada tahun 2021 dan yang terendah adalah pada tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	1,092.90	1,074.63	1,154.84	887.78	848.81
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	877.75	896.25	944.99	933.68	1,268.19
	i. <i>Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	218.96	184.40	229.57	203.06	310.12
	ii. <i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	467.46	504.19	527.85	552.90	796.14
	iii. <i>Deposit</i>	191.33	207.66	187.57	177.72	161.93
JUMLAH		1,970.65	1,970.88	2,099.83	1,821.46	2,117.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 1
TREND KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Wang Awam. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki wang tunai dalam akaun semasa dan pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang, manakala Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Analisis Audit mendapati baki Wang Tunai menunjukkan peningkatan sebanyak RM133.51 juta (210.1%) menjadi RM197.07 juta pada tahun 2021 berbanding RM63.56 juta pada tahun 2020. Baki Wang Tunai Dalam Bank pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM133.50 juta (211.2%) menjadi RM196.70 juta berbanding RM63.20 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penambahan Pelaburan Jangka Pendek dalam tahun semasa berjumlah RM155 juta. Kedudukan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	196.70	63.20	133.50	211.2
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.37	0.36	0.01	2.8
JUMLAH		197.07	63.56	133.51	210.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

5.2. Pelaburan

5.2.1. Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan negeri dibenarkan membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah selaras dengan Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 serta Arahan Amanah dan peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Kerajaan negeri adalah terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

5.2.2. Pelaburan pada tahun 2021 meningkat sejumlah RM162.03 juta (9.2%) menjadi RM1.920 bilion berbanding RM1.758 bilion pada tahun 2020. Peningkatan tersebut adalah disebabkan oleh penambahan simpanan tetap pada tahun 2021 dalam Pelaburan Am dan Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri masing-masing berjumlah RM145 juta dan RM20 juta. Selain itu, pelaburan baharu sejumlah RM0.98 juta telah dibuat melalui dua pengurus dana sedia ada iaitu Principal Asset Management Berhad dan Kenanga Investors Berhad. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Am				
	Saham	31.15	31.45	(0.30)	(1.0)
	Deposit Dalam Negeri (Simpanan Tetap)	1,844.10	1,699.10	145.00	8.5
JUMLAH PELABURAN AM		1,875.25	1,730.55	144.70	8.4
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah				
	a. Deposit Dalam Negeri (Simpanan Tetap)				
	i. Kumpulan Wang Amanah Tabung TYT (Pelaburan)	2.50	2.15	0.35	16.3
	ii. Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri	20.00	0.00	20.00	100
	iii. Akaun Amanah Penang Future Foundation (Pelaburan)	21.20	25.20	(4.00)	(15.9)
	b. Pelbagai Aset Kewangan	0.98	0.00	0.98	100
JUMLAH PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH		44.68	27.35	17.33	63.4
JUMLAH KESELURUHAN		1,919.93	1,757.90	162.03	9.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021 dan Rekod Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang


5.2.3. Analisis Audit mendapati kedudukan baki pelaburan bagi tahun 2017 hingga 2019 menunjukkan trend peningkatan dan mula menurun pada akhir tahun 2020. Bagaimanapun, baki pelaburan meningkat semula pada akhir tahun 2021. Pelaburan tahun 2019 adalah tertinggi dalam tempoh lima tahun seperti dalam **Jadual 6** dan **Carta 2**.

JADUAL 6
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	28.95	28.95	28.35	27.35	44.68
2.	Pelaburan Am	1,921.45	1,923.55	2,044.55	1,730.55	1,875.25
JUMLAH		1,950.40	1,952.50	2,072.90	1,757.90	1,919.93

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2017 hingga 2021 dan Rekod Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang

CARTA 2
PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021 dan Rekod Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang

5.2.4. Semakan Audit mendapati **sebanyak 15 sijil pelaburan berjumlah RM32.70 juta yang bertempoh satu hingga tiga bulan telah diambil kira sebagai pelaburan dan bukannya wang tunai**. Perkara ini disebabkan oleh pelaburan yang menggunakan vot dana amanah tidak dinyatakan dalam Penyata Wang Tunai kerana tiada kemudahan dalam iSPEKS untuk berbuat demikian. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
SIMPANAN TETAP BAGI TEMPOH TIGA BULAN DAN KURANG
TIDAK DIKATEGORIKAN SEBAGAI WANG TUNAI

BIL.	BUTIRAN	BIL. SIJIL	AMAUN (RM Juta)	TEMPOH (BULAN)
1.	Kumpulan Wang Amanah Tabung TYT (Pelaburan)	5	1.50	1-3
2.	Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri	2	20.00	3
3.	Akaun Amanah Penang Future Foundation (Pelaburan)	8	11.20	1-3
JUMLAH		15	32.70	

Sumber: Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang

Maklum Balas Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang yang Diterima pada 28 Julai 2022

Pelaburan simpanan tetap pada masa akan datang adalah melebihi tempoh tiga bulan selagi iSPEKS masih belum dapat membolehkan pelaburan tersebut diambil kira sebagai Wang Tunai.

5.2.5. Analisis lanjut mendapati jumlah faedah dan dividen yang diterima bagi Pelaburan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan penurunan sebanyak RM37.61 juta (44.4%) menjadi RM47.16 juta pada tahun 2021 berbanding RM84.77 juta pada tahun 2020. Perkara ini disebabkan oleh penurunan kadar faedah simpanan tetap dan dividen sesaham akibat pandemik Coronavirus Disease (Covid-19). Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
FAEDAH DAN DIVIDEN YANG DITERIMA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Faedah Daripada Deposit Dalam Negeri (Simpanan Tetap)	43.11	75.98	(32.87)	(43.3)
2.	Dividen Daripada Saham	4.05	8.79	(4.74)	(53.9)
JUMLAH		47.16	84.77	(37.61)	(44.4)

Sumber: Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan merekod semua urusan niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97, Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan defisit keseluruhan berjumlah RM38.97 juta iaitu pengurangan sebanyak RM228.09 juta berbanding defisit RM267.06 juta yang diperolehi pada tahun 2020. Ini disebabkan oleh perbelanjaan mengurus berjumlah RM731.21 juta (termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan pelarasan tahun sebelum), melebihi kutipan hasil yang berjumlah RM692.24 juta. Ini menyebabkan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun kepada RM848.81 juta berbanding RM887.78 juta pada tahun 2020. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 9**.


JADUAL 9
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
	Baki Pada 1 Januari	887.78	1,154.84	(267.06)	(23.1)
	Hasil	692.24	467.28	224.96	48.1
1.	Hasil Cukai	133.33	130.07	3.26	2.5
2.	Hasil Bukan Cukai	474.23	254.22	220.01	86.5
3.	Terimaan Bukan Cukai	84.68	82.99	1.69	2.0
	Perbelanjaan	630.90	584.06	46.84	8.0
1.	Emolumen	175.13	175.74	(0.61)	(0.3)
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	150.09	142.88	7.21	5.0
3.	Aset	4.46	3.48	0.98	28.2
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	297.53	257.00	40.53	15.8
5.	Perbelanjaan Lain	3.69	4.96	(1.27)	(25.6)
	Lebihan/(Kurangan) Hasil Semasa	61.34	(116.78)	178.12	152.5
	Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan	100.00	150.00	(50.00)	(33.3)
	Pelarasan Tahun Sebelum	(0.31)	(0.28)	0.03	10.7
	Lebihan/(Kurangan) Semasa	(38.97)	(267.06)	228.09	85.4
	BAKI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER	848.81	887.78	(38.97)	(4.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.3. Analisis perbandingan bagi tahun 2017 hingga 2021 mendapati baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan trend penurunan pada tahun 2018, meningkat pada tahun 2019, penurunan pada tahun 2020 dan mencapai baki terendah pada tahun 2021. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2019 mencatatkan prestasi yang paling baik dalam tempoh lima tahun. Trend baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan, hasil, belanja mengurus, lebihan/(kurangan) hasil dan pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
TREND BAKI TERKUMPUL AKAUN HASIL DISATUKAN, HASIL, BELANJA MENGRUS, LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL DAN PINDAHAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga Tahun 2021

6.4. Hasil

6.4.1. Hasil Kerajaan negeri terdiri daripada tiga jenis hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai ialah hasil yang dikutip berasaskan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Hasil Bukan Cukai adalah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula adalah terdiri daripada pelbagai pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan syarikat berkaitan kerajaan.

6.4.2. Pada tahun 2021, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri berjumlah RM692.24 juta (136.8%) berbanding anggaran hasil yang berjumlah RM506.01 juta. Perbandingan anggaran hasil dengan kutipan hasil sebenar bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
ANGGARAN HASIL BERBANDING KUTIPAN HASIL SEBENAR BAGI TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	KUTIPAN HASIL SEBENAR	
			(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	162.97	133.33	81.8
2.	Hasil Bukan Cukai	250.74	474.23	189.1
3.	Terimaan Bukan Hasil	92.30	84.68	91.7
JUMLAH		506.01	692.24	136.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021


6.4.3. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah berjumlah RM692.24 juta, iaitu meningkat sebanyak RM224.96 juta (48.1%) berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM467.28 juta. Peningkatan Hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2021 antaranya adalah disebabkan oleh peningkatan Cukai Petak Semasa, Premium Pemberian Milikan, Bayaran Perkhidmatan Yang Lain, Bayaran Khas Tanah dan Deposit Tak Dituntut. Jumlah kutipan hasil mengikut jenis hasil adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **Carta 4**.

JADUAL 11
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	133.33	130.07	3.26	2.5
2.	Hasil Bukan Cukai	474.23	254.22	220.01	86.5
3.	Terimaan Bukan Hasil	84.68	82.99	1.69	2.0
JUMLAH		692.24	467.28	224.96	48.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

CARTA 4
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.4.4. Kutipan hasil Kerajaan negeri menunjukkan trend penurunan dari tahun 2018 hingga tahun 2020 dan meningkat semula pada tahun 2021. Kutipan hasil pada tahun 2018 mencatatkan kutipan yang tertinggi dalam tempoh lima tahun. Prestasi kutipan hasil Kerajaan negeri bagi tempoh 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	135.54	135.69	135.50	130.07	133.33
2.	Hasil Bukan Cukai	341.04	591.61	330.14	254.22	474.23
3.	Terimaan Bukan Hasil	280.43	259.75	195.88	82.99	84.68
JUMLAH		757.01	987.05	661.52	467.28	692.24

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

6.4.5. Hasil Kerajaan negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri adalah terdiri daripada Premium Pemberian Milikan, Cukai Tanah Semasa/Berulang, Bayaran Permohonan Tanah, Faedah Dari Pelaburan Deposit Pasaran Wang (DPW), Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus, Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah, Pemberian Mengikut Ramai Penduduk dan Bayaran Khas Tanah. Butiran ini telah menyumbang sejumlah RM562.44 juta (81.2%) daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2021 yang berjumlah RM692.24 juta. Pada tahun 2020, hasil bagi butiran ini adalah berjumlah RM343.52 juta (73.5%) daripada keseluruhan hasil yang berjumlah RM467.28 juta. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Premium Pemberian Milikan	233.35	17.57	215.78	1,228.1
2.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	110.42	105.53	4.89	4.6
3.	Bayaran Permohonan Tanah	64.77	52.37	12.40	23.7
4.	Faedah Dari Pelaburan Deposit Pasaran Wang (DPW)	43.02	75.44	(32.42)	(43.0)
5.	Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus	31.49	30.34	1.15	3.8
6.	Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah	31.02	27.27	3.75	13.8
7.	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	25.24	25.06	0.18	0.7
8.	Bayaran Khas Tanah	23.13	9.94	13.19	132.7
JUMLAH		562.44	343.52	218.92	63.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

6.4.6. Analisis Audit terhadap hasil mendapati sebanyak 72 butiran mengalami peningkatan sebanyak RM306.15 juta manakala 76 butiran mengalami penurunan sebanyak RM81.18 juta. Butiran hasil yang mengalami peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 14** dan **Jadual 15**.

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
HASIL CUKAI						
1.	Cukai Petak Semasa	4.96	0.97	3.99	411.3	- Peningkatan dalam bilangan hak milik strata dan jumlah pembayar cukai. - Pejabat Tanah dan Daerah mempergiatkan aktiviti kutipan dengan mengeluarkan notis peringatan bayaran cukai petak, mengemas kini alamat pembayar cukai petak serta mengadakan perbincangan dengan individu yang mengalami kesukaran dalam membayar cukai petak.
HASIL BUKAN CUKAI						
2.	Premium Pemberian Milikan	233.35	17.57	215.78	1,228.1	Peningkatan dalam bilangan kelulusan permohonan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi PDTDTL, PDTDBD, PDTSPS dan PDTSP.
3.	Bayaran Perkhidmatan Yang Lain	16.15	1.07	15.08	1,409.3	Terimaan bayaran pendahuluan 30 tahun pertama bagi projek Stonyhurst Penang berjumlah RM15 juta.
4.	Bayaran Khas Tanah	23.13	9.94	13.19	132.7	Permohonan pemberi milikan tahun 2020 yang diluluskan dan dibayar pada tahun 2021.
TERIMAAN BUKAN HASIL						
5.	Bayaran-Bayaran Balik Yang Lain	12.96	0.97	11.99	1,236.1	Terimaan bayaran balik kutipan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (PEKA) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan PEKA Pelancongan daripada usahawan PKS dan pelancongan yang membuat pinjaman disebabkan terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0.
6.	Deposit Tak Dituntut	3.26	0.40	2.86	715.0	Pelarasan jurnal yang melibatkan pewartaan deposit yang tidak dituntut selepas 3 bulan dari tarikh warta melalui Deposit Cagaran Tanah dan Cagaran Pejabat Tanah.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

JADUAL 15
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
HASIL CUKAI						
1.	Cukai Hiburan Yang Lain	0.79	5.98	(5.19)	(86.8)	Kerajaan negeri memberi pengecualian duti hiburan bermula dari bulan April 2021 hingga Disember 2021 kepada semua peniaga yang terjejas akibat Covid-19.
HASIL BUKAN CUKAI						
2.	Faedah Dari Pelaburan Deposit Pasaran Wang (DPW)	43.02	75.44	(32.42)	(43.0)	Jumlah pokok yang dibawa pada tahun 2021 adalah RM1.6991 bilion berbanding RM2.013 bilion pada tahun 2020. Anggaran faedah pula antara 2% ke 2.5% (tahun 2021) berbanding 3% dan ke atas (tahun 2020).
3.	Premium Tanah – Tukar Syarat	10.84	18.59	(7.75)	(41.7)	Bergantung kepada jumlah permohonan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) pada tahun tersebut. Selain itu, nilai hartanah yang ditetapkan tertakluk kepada keputusan PBN dan panduan penilaian semasa oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Pulau Pinang.
TERIMAAN BUKAN HASIL						
4.	Pemberian Pertambahan Hasil	0.00	11.76	(11.76)	(100.0)	Tiada terimaan daripada Kementerian Kewangan pada tahun 2021.
5.	Sumbangan Daripada Agensi Kerajaan	0.02	6.05	(6.03)	(99.7)	Pengkelasan semula kod terimaan hasil dari butiran Sumbangan Daripada Agensi Kerajaan kepada Pemberian Pelancongan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada dua jenis, iaitu Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan bayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian meliputi Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain.

6.5.2. Peruntukan yang diluluskan oleh DUN bagi perbelanjaan mengurus tahun 2021 berjumlah RM709.82 juta berbanding sejumlah RM642.66 juta yang diluluskan pada tahun 2020, iaitu peningkatan sebanyak RM67.16 juta (10.5%). Kedudukan peruntukan mengurus yang diluluskan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 mengikut butiran perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PERUNTUKAN MENGRUS YANG
DILULUSKAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	PERUNTUKAN 2021 (RM Juta)	PERUNTUKAN 2020 (RM Juta)	PERBEZAAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	184.41	181.93	2.48	1.4
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	178.23	170.27	7.96	4.7
3.	Aset	4.98	4.64	0.34	7.3
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	337.35	278.00	59.35	21.3
5.	Perbelanjaan Lain	4.85	7.82	(2.97)	(38.0)
JUMLAH		709.82	642.66	67.16	10.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – Tidak Termasuk Anggaran Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM200 juta pada tahun 2021 dan RM150 juta pada tahun 2020

6.5.3. Pada tahun 2021, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri secara keseluruhannya berjumlah RM630.90 juta (88.9%) daripada anggaran yang diluluskan oleh DUN. Ini disebabkan penyemakan semula cadangan perolehan aset dengan keperluan sebenar jabatan, kawalan dalaman perbelanjaan dan langkah perbelanjaan berhemat. Kedudukan perbelanjaan mengurus pada akhir tahun 2021 berbanding anggaran diluluskan mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PERBELANJAAN MENGURUS
BERBANDING ANGGARAN DILULUSKAN BAGI TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN MENGURUS	
			(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	184.41	175.13	95.0
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	178.23	150.09	84.2
3.	Aset	4.98	4.46	89.6
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	337.35	297.53	88.2
5.	Perbelanjaan Lain	4.85	3.69	76.1
JUMLAH		709.82	630.90	88.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

Nota: (*) – Tidak Termasuk Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan Melibatkan Anggaran Berjumlah RM200 juta dan Perbelanjaan Sebenar Berjumlah RM100 juta pada tahun 2021

6.5.4. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM46.84 juta (8%), iaitu daripada RM584.06 juta pada tahun 2020 kepada RM630.90 juta pada tahun 2021. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	175.13	175.74	(0.61)	(0.3)
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	150.09	142.88	7.21	5.0
3.	Aset	4.46	3.48	0.98	28.2
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	297.53	257.00	40.53	15.8
5.	Perbelanjaan Lain	3.69	4.96	(1.27)	(25.6)
JUMLAH		630.90	584.06	46.84	8.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – Tidak Termasuk Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan Berjumlah RM100 juta pada tahun 2021 dan RM150 juta Pada Tahun 2020

6.5.5. Analisis Audit selanjutnya mendapati beberapa butiran perbelanjaan menunjukkan peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 seperti dalam **Jadual 19** dan **Jadual 20**.

JADUAL 19
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS YANG KETARA
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli	77.24	69.26	7.98	11.5	Peningkatan ini mengambil kira peningkatan dalam kos perkhidmatan mengurus pejabat baru seperti Pejabat Pesuruhjaya Warisan, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Tengah, dan bayaran fi perkhidmatan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selaku agen kutipan Skim Pinjaman PEKA PKS dan PEKA Pelancongan.
2.	Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran	3.26	2.26	1.00	44.2	Peningkatan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi peruntukan tahunan Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang dinaikkan mulai tahun 2021 untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelajar sekolah menengah yang berkecukupan.
3.	Kenderaan dan Jentera	1.70	1.02	0.68	66.7	Perolehan kenderaan dan jentera pada tahun 2021 meningkat berdasarkan penyemakan semula cadangan perolehan aset dengan keperluan sebenar jabatan. Kenderaan yang dibeli bagi menggantikan kenderaan yang telah dilupuskan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

JADUAL 20
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN MENURUS YANG KETARA
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dalam Negeri	370.50	381.14	(10.64)	(2.8)	Pengurangan caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2021 berjumlah RM100 juta berbanding RM150 juta pada tahun 2020.
2.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	2.58	3.79	(1.21)	(31.9)	Kerajaan negeri mengamalkan perbelanjaan secara berhemat semasa melakukan perjalanan atas tugas rasmi dan pengurangan bilangan kursus diadakan di dalam negeri atau dibuat secara 'in house' berikutan pandemik Covid-19.
3.	Tuntutan Insurans dan Pampasan	1.15	2.22	(1.07)	(48.2)	Pengurangan keperluan perbelanjaan bagi tuntutan insurans dan pampasan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

6.5.6. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan atau perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Pembayaran ini boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan atau perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.
- b. Pada tahun 2021, pembayaran di bawah AP 58(a) adalah berjumlah RM1.23 juta melibatkan 246 arahan pembayaran bagi 13 jabatan/pejabat. Pembayaran ini meningkat sebanyak RM1.21 juta (4,562.4%) berbanding RM26,412.80 pada tahun 2020. Peningkatan ini adalah disebabkan pelaksanaan sistem baharu iSPEKS bermula bulan September 2020 di mana tiada lagi tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) untuk menyelesaikan bayaran tahun semasa. Selain itu, perbelanjaan di bawah AP 58(a) oleh Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (91.1%) antaranya melibatkan bayaran pembelian kereta untuk kegunaan rasmi, bayaran perkhidmatan *Congestion Alleviation Transport* (CAT) dan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST). Pembayaran di bawah AP 58(a) oleh jabatan/pejabat lain melibatkan perbelanjaan bagi tuntutan elaun lebih masa, tuntutan perjalanan, bekalan minyak petrol dan diesel, perkhidmatan makan dan minum, bil telefon, perubatan dan elaun latihan praktikal. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) BAGI TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	JUMLAH (RM)		PERUBAHAN	
		2021	2020	(RM)	(%)
1.	Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	1,120,193.09	0.00	1,120,193.09	100.0
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut	16,968.60	189.00	16,779.60	8,878.1
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara	1,344.17	0.00	1,344.17	100.0
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah	1,638.05	0.00	1,638.05	100.0
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan	1,324.03	0.00	1,324.03	100.0
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	1,643.27	0.00	1,643.27	100.0
7.	Jabatan Perhutanan	211.00	0.00	211.00	100.0
8.	Jabatan Kerja Raya	8,469.20	1,887.69	6,581.51	348.7
9.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	826.25	0.00	826.25	100.0
10.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3,713.44	0.00	3,713.44	100.0
11.	Pejabat T.Y.T. Yang Di-Pertua Negeri	75,138.96	0.00	75,138.96	100.0
12.	Jabatan Kehakiman Syariah	0.00	24,177.11	(24,177.11)	(100.0)
13.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya	0.00	159.00	(159.00)	(100.0)
JUMLAH		1,231,470.06	26,412.80	1,205,057.26	4,562.4

Sumber: Rekod Jabatan/Pejabat Terlibat Tahun 2021 dan 2020

- c. Sehingga 30 April 2022, sejumlah RM259,578.95 melibatkan 114 arahan pembayaran bagi bil/tuntutan tahun 2021 telah dibayar menggunakan peruntukan tahun 2022. Ini menyebabkan peruntukan tahun 2022 berkurangan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) TAHUN 2021 YANG DIBAYAR PADA TAHUN 2022

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	62	205,222.61
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut	3	791.96
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara	1	1,799.08
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah	3	2,356.37
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan	1	1,604.75
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	13	7,565.28
7.	Jabatan Perhutanan	2	3,036.90
8.	Jabatan Kerja Raya	5	6,888.43
9.	Jabatan Kewangan Negeri	3	413.00
10.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2	3,582.80
11.	Jabatan Pertanian	4	576.01
12.	Jabatan Pendakwaan Syariah Pulau Pinang	1	95.01

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)
13.	Pejabat T.Y.T. Yang Di-Pertua Negeri	2	17,079.93
14.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	8	7,498.31
15.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	4	1,068.51
JUMLAH		114	259,578.95

Sumber: Laporan Senarai Arahan Pembayaran Mengikut Jenis AP 58(a)

6.5.7. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

- a. Mengikut Arahan Perbendaharaan 59(i), bayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurnanya oleh pembekal bagi barang atau perkhidmatan yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab apa-apa keraguan sama ada pertanggungan telah dilakukan dengan sepatutnya oleh pegawai kerajaan yang bertanggungjawab. Jika terdapat keraguan, pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP 59) perlu dibuat dengan kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri (PKN). Pembayaran ini akan dipertanggungjawabkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu siasatan dijalankan oleh jabatan. Selain itu, para 6.1(i) WP 10.2 Pengurusan Pembayaran di bawah AP 59 menyatakan bahawa setelah mendapat kelulusan pelarasan daripada YB PKN, jabatan hendaklah membuat pelarasan dan mengemukakan sesalinan baucar jurnal kepada YB PKN dalam tempoh 60 hari selepas tarikh kelulusan dikeluarkan.
- b. Pada tahun 2021, YB PKN telah meluluskan satu permohonan Pendahuluan Diri kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP). Pembayaran Pendahuluan Diri ini melibatkan lapan perolehan bernilai RM143,420. Pendahuluan diri bagi pembayaran di bawah AP 59 yang diluluskan pada tahun 2021 menurun sebanyak RM1,157,981.20 (89%) berbanding RM1,301,401.20 pada tahun 2020. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PEMBAYARAN DI BAWAH AP59 YANG DILULUSKAN
OLEH YB PEGAWAI KEWANGAN NEGERI BAGI TAHUN 2021 BERBANDING 2020

JABATAN	KELULUSAN TAHUN 2021		KELULUSAN TAHUN 2020		PERUBAHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM)	BIL.	JUMLAH (RM)	(RM)	(%)
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP)	1	143,420.00	3	1,301,401.20	(1,157,981.20)	(89.0)

Sumber: Rekod BPEN, PSUKPP

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan selaras dengan Perenggan 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Pinjaman Disatukan menunjukkan jumlah pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan serta jumlah yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan/Kumpulan Wang Bekalan Air/Kumpulan Wang lain yang dibenarkan bagi membiayai projek atau diberi sebagai pinjaman kepada Agensi Kerajaan dalam tahun semasa perakaunan. Pada akhir tahun 2021 dan 2020, tiada pinjaman baharu diambil oleh Kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957.

8.2. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 berjumlah RM1.268 bilion, meningkat sebanyak RM334.51 juta (35.8%) berbanding RM933.68 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh Kumpulan Wang Amanah Awam yang meningkat sebanyak RM243.24 juta dan peningkatan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM57.83 juta. Kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 24**.


JADUAL 24
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	310.12	203.06	107.06	52.7
	• Kumpulan Wang Pembangunan	84.57	26.74	57.83	216.3
	• Akaun Penyelesaian	0.00	0.05	(0.05)	(100.0)
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	225.55	176.27	49.28	28.0
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	796.14	552.90	243.24	44.0
3.	Akaun Deposit	161.93	177.72	(15.79)	(8.9)
JUMLAH		1,268.19	933.68	334.51	35.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: Mulai tahun 2021, Akaun Penyelesaian dikeluarkan daripada Akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.3. Akaun Amanah Disatukan menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2017 hingga 2019 tetapi menurun pada tahun 2020 dan meningkat semula pada tahun 2021. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 5**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2017 hingga 2021

8.4. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Akaun Penyelesaian dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

8.4.2. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM310.12 juta meningkat sebanyak RM107.06 juta (52.7%) berbanding pada akhir tahun 2020 yang berjumlah RM203.06 juta. Peningkatan ketara Kumpulan Wang Pembangunan, iaitu sebanyak RM57.83 juta (216.3%) menyumbang kepada peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

8.4.3. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan diwujudkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Punca kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada pindahan dari caruman Akaun Hasil Disatukan, Terimaan Balik Pinjaman dan Terimaan Pelbagai Untuk Pembangunan. Wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam akta tersebut.
- b. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM57.83 juta (216.3%) menjadi RM84.57 juta berbanding RM26.74 juta pada tahun 2020. Pada tahun 2021, terimaan meningkat sebanyak RM23.82 juta (9.9%) disebabkan oleh peningkatan Bayaran Balik Pinjaman daripada Agensi Kerajaan dan Pelbagai Terimaan manakala perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan menurun sebanyak RM59.75 juta (22.5%) berbanding tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	26.74	52.48	(25.74)	(49.0)
Terimaan	263.41	239.59	23.82	9.9
Bayaran	205.58	265.33	(59.75)	(22.5)
Lebihan/(Kurangan)	57.83	(25.74)	83.57	324.7
BAKI PADA 31 DISEMBER	84.57	26.74	57.83	216.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- c. Pada tahun 2021, sejumlah RM294.11 juta telah diperuntukkan bagi membiayai 2,507 projek. Peruntukan ini telah diagihkan kepada sembilan jabatan untuk projek pembangunan negeri Pulau Pinang dan sejumlah RM205.58 juta (69.9%) telah dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan pembangunan berbanding peruntukan yang dilaporkan oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
BERBANDING PERUNTUKAN PADA TAHUN 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN DILULUSKAN	PERBELANJAAN	PENCAPAIAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kewangan Negeri	148.92	76.89	51.6
2.	Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	77.54	62.25	80.3
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	18.61	17.81	95.7
4.	Jabatan Kerja Raya	17.73	17.50	98.7
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	17.60	17.57	99.8
6.	Jabatan Pertanian	6.75	6.65	98.5
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3.52	3.48	98.9
8.	Jabatan Perhutanan	2.22	2.21	99.5
9.	Jabatan Taman Botani	1.22	1.22	100
JUMLAH		294.11	205.58	69.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

- d. Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan perbelanjaan yang tertinggi iaitu berjumlah RM10.16 juta (19.5%) menjadi RM62.25 juta pada tahun 2021 berbanding RM52.09 juta pada tahun 2020. Jabatan Kewangan Negeri pula mencatatkan penurunan perbelanjaan yang tertinggi iaitu berjumlah RM73.31 juta (48.8%) menjadi RM76.89 juta pada tahun 2021 berbanding RM150.20 juta pada tahun 2020. Kedudukan perbelanjaan pembangunan mengikut perubahan tertinggi pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN MENGIKUT PERUBAHAN
TERTINGGI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	62.25	52.09	10.16	19.5
2.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	17.81	10.61	7.20	67.9
3.	Jabatan Pertanian	6.65	4.94	1.71	34.6
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3.48	2.97	0.51	17.2
5.	Jabatan Perhutanan	2.21	2.05	0.16	7.8
6.	Jabatan Taman Botani	1.22	1.15	0.07	6.1
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran	17.57	17.52	0.05	0.3
8.	Jabatan Kerja Raya	17.50	23.80	(6.30)	(26.5)
9.	Jabatan Kewangan Negeri	76.89	150.20	(73.31)	(48.8)
JUMLAH		205.58	265.33	(59.75)	(22.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020


- e. Pada tahun 2021, sebanyak 2,507 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,394 projek (95.5%) telah siap sepenuhnya. Tiga jabatan berjaya menyiapkan kesemua projek yang dirancang pada tahun 2021 iaitu Jabatan Perhutanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Taman Botani. Sebanyak 42 projek (1.7%) sedang dilaksanakan bagi Jabatan Kewangan Negeri; Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (BPEN); Jabatan Hal Ehwal Agama Islam; dan Jabatan Kerja Raya. Selain itu, empat projek belum mula (0.2%) dan tiga projek lewat dari jadual (0.1%) melibatkan BPEN, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Pertanian.
- f. Selain itu, terdapat 64 projek batal (2.6%) di bawah seliaan BPEN, JPS dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Projek batal melibatkan peruntukan bagi projek berkenaan digunakan untuk projek lain dan pertukaran tajuk projek disebabkan terdapat pertindihan projek. Status prestasi pelaksanaan projek pembangunan sehingga akhir tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 28** dan **Carta 6**.

JADUAL 28
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI PADA TAHUN 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN PROJEK					
		BILANGAN PROJEK	SIAP	SEDANG DILAKSANA	BELUM MULA	LEWAT DARI JADUAL	BATAL
1.	Jabatan Kewangan Negeri	1,703	1,687	16	0	0	0
2.	Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (BPEN)	407	332	12	3	2	58
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	186	181	0	1	0	4
4.	Jabatan Kerja Raya	87	82	5	0	0	0
5.	Jabatan Pertanian	38	37	0	0	1	0
6.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	28	17	9	0	0	2
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	23	23	0	0	0	0
8.	Jabatan Perhutanan	18	18	0	0	0	0
9.	Jabatan Taman Botani	17	17	0	0	0	0
JUMLAH		2,507	2,394	42	4	3	64

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan Jabatan yang Terlibat

CARTA 6
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI
TAHUN 2021 YANG DILAPORKAN OLEH KERAJAAN NEGERI



Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan Jabatan yang terlibat

8.4.4. Akaun Penyelesaian

Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan 153, semua urusan Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan secepat mungkin. Bagi akhir tahun 2021, Akaun Penyelesaian berbaki sifar disebabkan Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan dapat diselesaikan pada tahun semasa.

8.4.5. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi DUN. Wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh digunakan bagi maksud ia ditubuhkan.
- Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM49.23 juta (27.9%) menjadi RM225.55 juta berbanding RM176.32 juta pada akhir tahun 2020. Peningkatan baki Pelbagai Kumpulan Wang sebanyak RM47.39 juta (33.5%) adalah disebabkan terimaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri serta sumbangan syarikat dan individu untuk keperluan perbelanjaan bagi menangani pandemik Covid-19 yang melibatkan Akaun Amanah Pengurusan Krisis Negeri. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	0.00	0.05	(0.05)	(100.0)
2.	Akaun Perniagaan	0.60	0.68	(0.08)	(11.8)
3.	Akaun Pinjaman	35.50	33.53	1.97	5.9
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.40	0.40	-	-
5.	Pelbagai Kumpulan Wang	189.05	141.66	47.39	33.5
BAKI PADA 31 DISEMBER		225.55	176.32	49.23	27.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

c. Pelbagai Kumpulan Wang – Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri

- i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) ditubuhkan untuk memperakaukan peruntukan geran pemberian Kerajaan Persekutuan. Pemberian geran ini adalah bagi membiayai penyenggaraan jalan raya negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Mulai tahun 2014, Pegawai Pengawal bagi akaun amanah ini ialah YB Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang.
- ii. Berdasarkan rekod MARRIS, terdapat pertambahan panjang jalan raya pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 sebanyak 1,739.05 kilometer. Panjang jalan raya negeri yang perlu disenggara pada tahun 2021 oleh JKR adalah 1,980.77 kilometer, PBT adalah 2,555.53 kilometer, JPS adalah 1,536.76 kilometer dan PDT adalah 1,289.07 kilometer. Pada tahun 2020 pula, panjang jalan raya negeri yang disenggarakan oleh JKR adalah 1,805.09 kilometer, PBT adalah 1,860.31 kilometer, JPS adalah 1,064.74 kilometer serta PDT adalah 892.94 kilometer.
- iii. Baki Kumpulan Wang ini pada akhir tahun 2021 berjumlah RM92.66 juta, iaitu meningkat sebanyak RM16.03 juta (20.9%) berbanding RM76.63 juta pada akhir tahun 2020. Perbelanjaan pada tahun 2021 berjumlah RM195.36 juta. Peratus perbelanjaan tahun 2021 berbanding jumlah geran yang diterima adalah sebanyak 92.4%, iaitu menurun sebanyak 6.9% berbanding 99.3% pada tahun 2020. Prestasi perbelanjaan tahun 2021 lebih tinggi berbanding tahun 2020 adalah kerana Kerajaan negeri telah menerima peruntukan MARRIS yang lebih tinggi pada tahun 2021, iaitu sejumlah RM211.39 juta berbanding

RM186.83 juta pada tahun 2020 berikutan pertambahan panjang jalan yang perlu disenggarakan. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN
JALAN RAYA NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki pada 1 Januari	76.63	75.36	1.27	1.7
Terimaan	211.39	186.83	24.56	13.1
Perbelanjaan	195.36	185.56	9.80	5.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	92.66	76.63	16.03	20.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- iv. Semakan Audit mendapati lapan Inden Kerajaan melibatkan JPS mengambil masa untuk dikeluarkan iaitu antara 18 hari sehingga 50 hari daripada tarikh Surat Pemberitahuan Penerimaan Sebut Harga. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
INDEN KERAJAAN MENGAMBIL MASA UNTUK DIKELUARKAN

BIL.	TARIKH/NO. BAUCAR	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH/ NO. INDEN KERAJAAN	LEWAT (HARI)	JUMLAH (RM)
1.	07.09.2021/ 21BMBB0400467	21.06.2021	13.07.2021/ 21BBIK0300090	22	100,000
2.	01.11.2021/ 21BMBB0400561	04.08.2021	07.09.2021/ 21BBIK0300119	34	164,020
3.	16.11.2021/ 21BMBB0400644	04.08.2021	23.09.2021/ 21BBIK0300133	50	166,100
4.	25.11.2021/ 21BMBB0400669	04.08.2021	07.09.2021/ 21BBIK0300118	34	167,740
5.	25.11.2021/ 21BMBB0400677	04.08.2021	03.09.2021/ 21BBIK0300114	30	159,320
6.	22.12.2021/ 21BMBB0400843	02.08.2021	20.08.2021/ 21BBIK0300103	18	167,100
7.	22.12.2021/ 21BMBB0400845	04.08.2021	23.09.2021/ 21BBIK0300127	50	164,875
8.	22.11.2021/ 21BMBB0400846	04.08.2021	07.09.2021/ 21BBIK0300115	34	158,300
JUMLAH					1,247,455

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran

Maklum Balas Jabatan Pengairan dan Saliran yang Diterima pada 28 Julai 2022

Jabatan memaklumkan bagi mengelakkan berlaku kelewatan mengeluarkan Inden Kerja, JPSP telah mengadakan sesi perbincangan dan telah mengeluarkan memo kepada PTJ berkaitan sebagai panduan (no. rujukan JPSP.UB.600-1/1/174 JLD.2(47) bertarikh 23 Jun 2022).

d. Pelbagai Kumpulan Wang – Akaun Amanah Pengurusan Krisis Negeri

- i. Akaun Amanah Pengurusan Krisis Negeri ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhan akaun ini adalah untuk mengakaunkan wang yang diterima bagi tujuan menyediakan bantuan kepada sesuatu kejadian krisis yang berlaku di negeri Pulau Pinang. Penerimaan akaun amanah ini adalah daripada sumbangan kerajaan, individu, syarikat atau badan swasta.
- ii. Pada akhir tahun 2021, baki akaun ini berjumlah RM32.79 juta, iaitu meningkat sebanyak RM31.26 juta (2,043.1%) berbanding RM1.53 juta pada tahun 2020. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh terimaan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta sumbangan syarikat dan individu untuk keperluan perbelanjaan dalam menangani pandemik Covid-19. Antara pembelian barangan keperluan pandemik Covid-19 ialah pembelian pelitup muka, *hand sanitizer* dan *thermometer*; penyediaan makan dan minum bagi petugas barisan hadapan; penyelenggaraan Pusat Penerimaan Vaksin (PPV) dan penyewaan komputer dan mesin penyalin bagi kegunaan PPV. Kedudukan Akaun Amanah Pengurusan Krisis Negeri pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH PENGURUSAN KRISIS NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1.53	6.79	(5.26)	(77.5)
Penerimaan	296.54	53.71	242.83	452.1
Pembayaran	265.28	58.97	206.31	349.9
BAKI PADA 31 DISEMBER	32.79	1.53	31.26	2,043.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.5. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.5.1. Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan/atau organisasi kepada Kerajaan negeri bagi tujuan tertentu.

8.5.2. Pada akhir tahun 2021, baki Kumpulan Wang Amanah Awam adalah berjumlah RM796.14 juta, meningkat sebanyak RM243.24 juta (44%) berbanding RM552.90 juta pada akhir tahun 2020. Peningkatan ketara melibatkan Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (RM216.49 juta), Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri (RM18.66 juta), Akaun Amanah Perumahan Bumiputera (RM13.60 juta) dan Akaun Amanah Saliran Pulau Pinang (RM7.19 juta). Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	552.90	527.85	25.05	4.7
Penerimaan	906.93	289.51	617.42	213.3
Pembayaran	663.69	264.46	399.23	151.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	796.14	552.90	243.24	44.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.5.3. Akaun Amanah Baharu

Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu akaun amanah baharu dan satu akaun amanah sementara serta tiada akaun amanah yang ditutup. Akaun amanah baharu dan sementara adalah seperti berikut:

a. Akaun Amanah Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Akaun Amanah Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 yang dikawal oleh Mufti Negeri Pulau Pinang selaku Pegawai Pengawal Akaun Amanah. Akaun Amanah ini ditubuhkan bertujuan memperakaunkan peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang oleh Zakat Pulau Pinang bagi menjalankan aktiviti kefatwaan. Pada akhir tahun 2001, akaun amanah ini berbaki kredit sejumlah RM0.18 juta.

b. Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD)

Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan diwujudkan untuk sementara sebelum akaun amanah ditubuhkan bagi memperakaunkan penerimaan sumbangan wang daripada orang perseorangan atau badan-badan yang diamanahkan kepada Kerajaan negeri bagi tujuan tertentu setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Kewangan Negeri. ATTD diwujudkan bagi membiayai projek pembangunan seperti Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi; Bayaran pampasan bagi kos pengambilan tanah untuk Projek Jalan Utama Pakej 2: Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu - Ayer Itam, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang; dan Pembangunan Pelancongan. Baki akhir ATTD ini berbaki kredit sejumlah RM216.49 juta pada akhir tahun 2021.

8.5.4. Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang

- a. Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang ditubuhkan dengan tujuan menerima caruman perparitan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk digunakan bagi membiayai perbelanjaan menaik taraf sistem saliran di Negeri Pulau Pinang setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang (JTBNPP). Pegawai Pengawal bagi akaun amanah ini ialah Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang.
- b. Semakan Audit terhadap Arahan Amanah yang berkuat kuasa pada 1 Mei 2005 mendapati tempoh sebenar penyerahan kutipan oleh PBT kepada Kerajaan negeri tidak ditetapkan oleh JTBNPP. Kesan daripada penyerahan kutipan lewat diserahkan daripada bulan atau tahun yang sepatutnya akan menyebabkan akaun amanah terlebih atau terkurang nyata untuk dilaporkan pada tahun semasa jika tiada penetapan tempoh penyerahan kutipan oleh kedua-dua PBT dibuat.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati kedua-dua PBT telah lewat menyerahkan kutipan berjumlah RM2.45 juta bagi bulan Januari hingga Ogos 2021 antara dua hingga tiga bulan. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
KELEWATAN PENYERAHAN KUTIPAN CARUMAN PERPARITAN OLEH PBT

BIL.	BULAN KUTIPAN	TARIKH SERAHAN KUTIPAN (EFT)	TEMPOH KELEWATAN (BULAN)	JUMLAH (RM)
Majlis Bandaraya Pulau Pinang				
1.	Mac	28.05.2021	2	30,000.00
2.	Mei	09.07.2021	2	577,000.00
3.	Ogos	01.10.2021	2	28,681.00
Majlis Bandaraya Seberang Perai				
1.	Januari	14.04.2021	3	472,559.00
2.	Februari	14.04.2021	2	798,889.00
3.	Mac	28.05.2021	3	19,191.00
4.		17.06.2021	2	520,862.50
JUMLAH				2,447,182.50

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang

Maklum Balas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang Diterima pada 28 Julai 2022

Jabatan telah mengeluarkan surat peringatan kepada PBT iaitu MBPP dan MBSP (no. rujukan Bil.(3) dlm.JPSPP.BPB.400-2/1/1 bertarikh 8 September 2021). Satu mesyuarat bagi membincangkan penemuan Audit telah diadakan pada 25 Julai 2022 melibatkan Bahagian Banjir, Bahagian Kewangan dan PBT. Susulan daripada mesyuarat tersebut, urus setia Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Tebatan Banjir akan melaksanakan Bengkel Penyusunan Semula berkenaan dengan garis panduan baharu bagi menyelesaikan masalah kelewatan yang berlaku.

8.6. Akaun Deposit

8.6.1. Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah jabatan bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan setelah selesai maksudnya. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri mempunyai deposit yang diselenggarakan melalui 28 akaun deposit berbanding 110 akaun deposit pada tahun 2020.

8.6.2. Pada 31 Disember 2021, baki akaun deposit menurun sebanyak RM15.79 juta (8.9%) menjadi RM161.93 juta berbanding RM177.72 juta tahun 2020. Deposit Khusus mencatatkan penurunan ketara sebanyak RM11.49 juta (7%) pada tahun 2021. Penurunan ini adalah selaras dengan deposit yang tidak dituntut setelah mencapai maksud dimasukkan ke hasil kerajaan selepas diwartakan. Selain itu, Deposit Perumahan Kos Rendah (PAKR) menunjukkan baki sifar disebabkan deposit bagi kategori ini telah dipindahkan di bawah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang

(LPNPP) yang sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Perumahan, PSUKPP. Bahagian Perumahan ini telah diperbadankan mulai 1 Januari 2021. Kedudukan akaun deposit pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT TAHUN 2021	BIL. AKAUN DEPOSIT TAHUN 2020	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
						(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	7	7	7.00	7.32	(0.32)	(4.4)
2.	Deposit Khusus	18	18	151.84	163.33	(11.49)	(7.0)
3.	Deposit Pelarasan	2	2	3.09	3.26	(0.17)	(5.2)
4.	Deposit Perumahan Kos Rendah (PAKR)	1	83	0.00	3.81	(3.81)	(100)
JUMLAH		28	110	161.93	177.72	(15.79)	(8.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Kewangan Negeri

8.6.3. Terdapat deposit yang berbaki debit di senarai pendeposit melibatkan deposit di Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah berjumlah RM1,755.50 dan deposit Jabatan Pengairan dan Saliran berjumlah RM2.21 juta.

Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah (JKRSPT) yang Diterima pada 28 Julai 2022

Jabatan telah mengadakan perbincangan dengan pihak Bendahari Negeri (BN) berkaitan Deposit Wang Tuntutan Bon Pelaksanaan terkurang caj ke atas Vot P12 semasa pembayaran dibuat kepada kontraktor pada tahun 2019. Pihak BN telah mencadangkan jabatan perlu membuat pelarasan semula ke atas vot P12 dan kod Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP). Sehubungan itu, jabatan telah mengemukakan surat permohonan kepada pihak BPEN untuk memohon peruntukan di bawah Vot P12 berjumlah RM1,755.50 (no. Rujukan (46) dlm.JDSPT/B04/05/01 bertarikh 15 Julai 2022). Jabatan akan membuat tindakan susulan dengan pihak BPEN bagi memastikan peruntukan dapat disalurkan dan pelarasan akan dibuat dengan segera bagi menyelesaikan isu ini.

Maklum Balas Jabatan Pengairan dan Saliran yang Diterima pada 28 Julai 2022

Jabatan memaklumkan telah membetulkan format pada rekod manual seperti yang disarankan oleh pihak Jabatan Audit Negara dan Jabatan Kewangan Negeri. Semakan terhadap senarai rekod deposit telah dijalankan dan mendapati perbezaan deposit sehingga 30 Jun 2022 adalah berjumlah RM17,337.50. Proses pemutihan akan diteruskan bagi memastikan rekod adalah tepat.

8.6.4. Terdapat perbezaan baki di Senarai Akaun Deposit dengan baki di Penyata Penyesuaian. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
PERBEZAAN BAKI DI SENARAI AKAUN DEPOSIT DENGAN PENYATA PENYESUAIAN

BIL.	KOD AKAUN DEPOSIT	BUTIRAN	BAKI DI PENYATA PENYESUAIAN (RM)	BAKI DI SENARAI AKAUN DEPOSIT (RM)	PERBEZAAN (RM)
1.	70108	Deposit Wang Tuntutan Bon Pelaksanaan (Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah)	1,495,912.88	1,456,516.90	(39,395.98)
2.	70207	Deposit Pejabat Tanah (Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut)	18,050,111.92	3,365,000.00	(14,685,111.92)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 dan Rekod Jabatan Terlibat

Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah yang Diterima pada 28 Julai 2022

Pihak Pentadbiran ini masih dalam proses mengenal pasti pendeposit dan perbezaan amaun deposit yang berjumlah RM39,395.98 dengan Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat JKR. Seterusnya, pengemaskinian segera akan dibuat terhadap penyata penyesuaian bulanan.

Maklum Balas Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL) yang Diterima pada 28 Julai 2022 dan 1 September 2022

Pentadbiran masih dalam tindakan untuk mengemas kini data sedia ada untuk dimurnikan semula dan seterusnya rekod atau dapatan tersebut akan dikemukakan untuk pengesahan Jabatan Kewangan Negeri setelah dimuktamadkan. Pihak pentadbiran telah berjaya mengurangkan amaun perbezaan kepada RM0.75 juta. Tindakan ini dijangka akan diselesaikan selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2022.

8.6.5. Semakan Audit terhadap Deposit Khusus mendapati sejumlah RM56.15 juta melibatkan Deposit Kerja Kementerian Kerja Raya dan Deposit Pejabat Tanah yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan telah tidak diwartakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
DEPOSIT TIDAK DITUNTUT TIDAK DIWARTAKAN

BIL.	KOD AKAUN DEPOSIT	BUTIRAN	BIL. PENDEPOSIT	JUMLAH (RM)	TEMPOH
1.	70210	Deposit Kerja Kementerian Kerja Raya	1,711	53,907,552.67	Tahun 1993 hingga 2019
2.	70207	Deposit Pejabat Tanah (PDTSPT)	32	2,055,645.00	Tahun 2016 hingga 2019
3.	70211	Deposit Pejabat Daerah (PDTSPU)	46	189,642.54	Tahun 2012 hingga 2019
JUMLAH			1,789	56,152,840.21	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 dan Rekod Jabatan Terlibat

Maklum Balas Jabatan Kerja Raya (JKR) yang Diterima pada 28 Julai 2022

JKR Daerah telah membuat bayaran balik dari semasa ke semasa bagi mengurangkan nilai deposit ke atas syarikat yang membuat tuntutan. Jabatan juga telahewartakan 163 kes deposit yang tidak dituntut melibatkan deposit yang tidak dituntut bagi tempoh tahun 2015 sehingga tahun 2022 berjumlah RM1.91 juta. Jabatan juga membuat pemantauan dalam mesyuarat JPKA Jabatan setiap sukuan tahun di setiap JKR Daerah dan seterusnya ewartakan deposit berkenaan dalam masa yang terdekat.

Maklum Balas Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSPT) yang Diterima pada 28 Julai 2022

Empat akaun pendeposit berjumlah RM11,000 ditarik balik dari pewartaan kerana tindakan tuntutan bayaran balik kepada pendeposit setelah kes mahkamah selesai. Sebanyak 17 akaun pendeposit berjumlah RM56,000 telah dikemukakan kepada Pejabat Penasihat Undang-undang untuk draf pewartaan pada 20 Mei 2022 manakala 11 akaun pendeposit lagi masih dalam tindakan PDTSPT.

Maklum Balas Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) yang Diterima pada 28 Julai 2022

Pihak Pentadbiran memaklumkan perkara seperti berikut:

- 23 pendeposit masih aktif melibatkan penghuni kuarters dan gerai;
- 10 pendeposit dalam proses pengesahan sebelum diwartakan;
- lima pendeposit telah dibuat permohonan daftar deposit untuk diwartakan kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad;
- satu pendeposit telah dihantar surat pemakluman baki deposit pada 14 Julai 2022; dan
- tujuh pendeposit telah membuat tuntutan bayaran balik deposit.

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan Kerajaan yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan Hutang Awam Kerajaan negeri.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang disalurkan oleh Kerajaan negeri kepada Badan Berkanun Negeri, PBT, Agensi dan Syarikat. Sumber pinjaman tersebut diperoleh daripada Kerajaan negeri atau menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

9.1.2. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 menurun sebanyak RM115.63 juta (46.6%) kepada RM132.38 juta berbanding RM248.01 juta pada tahun 2020. Penurunan pinjaman ini disebabkan pembayaran balik pokok pinjaman oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang berjumlah RM113.43 juta termasuk pembayaran penyelesaian penuh berjumlah RM106.91 juta dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. yang berjumlah RM2.20 juta.

9.1.3. Bagi pinjaman Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Mesyuarat MMK Bil. 44/2020 pada 17 Disember 2020 dan disahkan pada 17 Disember 2020 telah meluluskan penangguhan pembayaran balik pinjaman bagi tahun 2021 tanpa tambahan caj faedah atau penalti. Penangguhan ini berasaskan kepada Kerajaan negeri memberikan rebat cukai taksiran bagi tahun 2021 kepada rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah, rumah kampung dan lain-lain kategori pegangan. Keadaan ini menyebabkan MBSP tidak dapat mengutip hasil cukai taksiran bagi tahun 2021 dan seterusnya memberi impak yang besar ke atas kedudukan kewangan MBSP.

9.1.4. Baki pinjaman kepada syarikat bernombor pendaftaran 210034-H berjumlah RM33.18 juta telah dinyatakan di dalam penyata kewangan Kerajaan negeri semenjak tahun 2015 dan kekal *status quo* sehingga sekarang sedangkan projek pembinaan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (JeWay) telah pun selesai pada tahun 2016. Mengikut perjanjian Penswastan Projek Jelutong Expressway (JeWay) yang ditandatangani pada 22 April 1997, bayaran balik kepada Kerajaan negeri akan dibuat setelah semua tiga fasa pembinaan lebuhraya siap sepenuhnya. **Setakat 31 Disember 2021, bayaran**

balik pinjaman masih belum dibuat disebabkan isu berkaitan penempatan semula nelayan di kawasan terlibat dengan projek lebuh raya tersebut masih belum diselesaikan di peringkat Kerajaan negeri. Perbandingan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	AGENSI	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Badan Berkanun	21.15	134.58	(113.43)	(84.3)
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	44.25	44.25	0.00	-
3.	Agensi	33.80	36.00	(2.20)	(6.1)
4.	Syarikat (210034-H)	33.18	33.18	0.00	-
JUMLAH		132.38	248.01	(115.63)	(46.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

9.1.5. Pada akhir tahun 2021, tiada tunggakan bayaran balik hutang agensi kepada Kerajaan negeri. Kedudukan pergerakan Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
KEDUDUKAN PERGERAKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2021

BIL.	AGENSI	BAKI PINJAMAN 1.1.2021 (RM Juta)	PINJAMAN BARU/KELUARAN BAKI PINJAMAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK (POKOK)/ HAPUSKIRA (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2021 (RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI					
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	134.58	0.00	113.43	21.15
JUMLAH		134.58	0.00	113.43	21.15
PIHAK BERKUASA TEMPATAN					
1.	Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	44.25	0.00	0.00	44.25
JUMLAH		44.25	0.00	0.00	44.25
AGENSI					
1.	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP)	36.00	0.00	2.20	33.80
JUMLAH		36.00	0.00	2.20	33.80
SYARIKAT					
1.	Syarikat (210034-H)	33.18	0.00	0.00	33.18
JUMLAH		33.18	0.00	0.00	33.18
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT		248.01	0.00	115.63	132.38

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

9.2. Pelaburan Memorandum

9.2.1. Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam agensi, saham dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan saham dalam syarikat berkaitan Kerajaan serta syarikat-syarikat lain termasuk modal pelaburan melalui Pengurus Dana yang dilantik oleh Kerajaan negeri.

9.2.2. Pada tahun 2021, pelaburan Kerajaan negeri berjumlah RM229.48 juta berbanding RM232.99 juta pada tahun 2020, iaitu menurun sebanyak RM3.51 juta (1.5%). Pelaburan ini terdiri daripada RM26.67 juta pelaburan saham melalui pengurus dana, pelaburan saham Maxis Berhad berjumlah RM25.25 juta, Malaysia Airport Holdings Bhd. (Right Issue) berjumlah RM4.73 juta dan pelaburan ekuiti Kerajaan negeri dalam PBA Holdings Bhd. berjumlah RM172.83 juta. Saham Astro Malaysia Holdings Berhad berjumlah RM3.03 juta telah dilupuskan melalui penjualan saham pada 1 November 2021. Bagi pelaburan melalui pengurus dana, nilai pasaran pelaburan adalah berjumlah RM30.47 juta iaitu RM3.80 juta (14.2%) lebih tinggi daripada nilai buku pelaburan yang berjumlah RM26.67 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR
TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PELABURAN SAHAM	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pengurus Dana (Nilai Buku)	26.67	27.15	(0.48)	(1.8)
2.	Maxis Berhad (Saham)	25.25	25.25	-	-
3.	Astro Malaysia Holdings Berhad (Saham)	-	3.03	(3.03)	(100)
4.	Malaysia Airport Holdings Berhad (Right Issue)	4.73	4.73	-	-
5.	PBA Holdings Berhad (Ekuiti)	172.83	172.83	-	-
JUMLAH		229.48	232.99	(3.51)	(1.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri


9.2.3. Pelaburan Kerajaan negeri menunjukkan penurunan dari tahun 2017 hingga 2021 seperti dalam **Jadual 41** dan **Carta 7**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	PELABURAN SAHAM	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Pengurus Dana (Nilai Buku)	32.14	30.11	29.01	27.15	26.67
2.	Maxis Berhad (Saham)	25.25	25.25	25.25	25.25	25.25
3.	Astro Malaysia Holdings Berhad (Saham)	3.03	3.03	3.03	3.03	-
4.	Malaysia Airport Holdings Berhad (Right Issue)	4.73	4.73	4.73	4.73	4.73
5.	PBA Holdings Berhad (Ekuiti)	172.83	172.83	172.83	172.83	172.83
JUMLAH		237.98	235.95	234.85	232.99	229.48

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021 dan Rekod Jabatan Kewangan Negeri

CARTA 7
PELABURAN KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021 dan Rekod Jabatan Kewangan Negeri

9.2.4. Pada tahun 2021, sejumlah RM7.36 juta dividen dan keuntungan diterima daripada pelaburan berbanding RM12.19 juta pada tahun 2020, iaitu menurun sebanyak RM4.83 juta (39.6%). Dividen dan keuntungan diterima daripada pelaburan yang diuruskan oleh Pengurus Dana dan PBA Holdings Berhad menunjukkan penurunan yang ketara, iaitu masing-masing sebanyak RM2.30 juta (49.8%) dan RM2.27 juta (35.6%). Penurunan pulangan pelaburan oleh pengurus dana adalah disebabkan keadaan ekonomi dan penurunan pasaran saham pada tahun 2020 dan 2021 kesan daripada pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi kesan terhadap nilai saham dan pulangan dividen. Penurunan pulangan daripada pelaburan PBA Holdings Berhad adalah disebabkan penurunan kadar dividen daripada 3.50 sen sesaham pada tahun 2019 kepada 2.25 sen sesaham pada tahun 2020. Selain itu, tiada pulangan pelaburan daripada Malaysia Airport Holdings Berhad berikutan syarikat mengalami kerugian kesan daripada sekatan pergerakan dan penutupan sempadan negara akibat pandemik Covid-19. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 42**.

JADUAL 42
DIVIDEN DAN KEUNTUNGAN PELABURAN
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PELABURAN SAHAM	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pengurus Dana (Nilai Buku)	2.32	4.62	(2.30)	(49.8)
2.	Maxis Berhad (Saham)	0.85	0.90	(0.05)	(5.6)
3.	Astro Malaysia Holdings Berhad (Saham)	0.09	0.06	0.03	50.0
4.	Malaysia Airport Holdings Berhad (<i>Right Issue</i>)	-	0.24	(0.24)	(100.0)
5.	PBA Holdings Berhad (Ekuiti)	4.10	6.37	(2.27)	(35.6)
JUMLAH		7.36	12.19	(4.83)	(39.6)

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Negeri

9.2.5. Pengurus Dana dilantik bagi mengendalikan, mengurus pelaburan dan membeli saham-saham di Bursa Malaysia. Kerajaan negeri melalui Unit Pelaburan JKN memantau pelaburan yang dibuat oleh Pengurus Dana melalui laporan bulanan. Selain itu, dalam tahun 2021 sebanyak tiga mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan prestasi Pengurus Dana. Kadar caj yang dikenakan oleh Pengurus Dana ialah antara 0.15% hingga 0.75% berdasarkan purata nilai semasa portfolio bagi tempoh tiga bulan. Pada tahun 2021, yuran pengurusan yang dibayar kepada Pengurus Dana adalah berjumlah RM0.24 juta, iaitu meningkat sebanyak RM0.03 juta (14.3%) berbanding RM0.21 juta pada tahun 2020. Dividen dan keuntungan yang diterima pada tahun 2021 berjumlah RM2.32 juta berbanding RM4.62 juta pada tahun 2020 iaitu penurunan sebanyak RM2.30 juta (49.8%) seperti dalam **Jadual 43**.

JADUAL 43
DIVIDEN DAN KEUNTUNGAN DITERIMA
BERBANDING YURAN PENGURUSAN PADA TAHUN 2021 DAN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Dividen Diterima	0.61	0.82	(0.21)	(25.6)
2.	Keuntungan Diterima	1.71	3.80	(2.09)	(55.0)
JUMLAH DIVIDEN DAN KEUNTUNGAN		2.32	4.62	(2.30)	(49.8)
3.	Bayaran Yuran Pengurusan	0.24	0.21	0.03	14.3

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Negeri

9.3. Hutang Awam

9.3.1. Hutang Awam Kerajaan negeri terdiri daripada hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Pada akhir tahun 2021, baki Hutang Awam berjumlah RM45.41 juta berbanding RM49.63 juta pada tahun 2020, iaitu menurun sebanyak RM4.22 juta (8.5%). Penurunan hutang ini adalah disebabkan tiada pinjaman baharu diambil dan pembayaran balik pinjaman telah dibuat mengikut jadual. Pada tahun 2021, bayaran balik pokok pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan negeri berjumlah RM2.20 juta untuk Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil, RM1.47 juta untuk Projek Perumahan Awam Kos Rendah dan RM0.55 juta untuk Projek *Indoor Archade and Seafood Centre*. Kedudukan Hutang Awam pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 44**.

JADUAL 44
BAKI HUTANG AWAM PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Bekalan Air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	32.20	34.40	(2.20)	(6.4)
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	11.44	12.91	(1.47)	(11.4)
3.	Projek Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang - <i>Indoor Archade and Seafood Centre</i> di Batu Kawan	1.77	2.32	(0.55)	(23.7)
JUMLAH		45.41	49.63	(4.22)	(8.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

9.3.2. Bayaran Fi Air Mentah

Mulai tahun 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenakan Bayaran Air Mentah kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebagai fi terhadap pengambilan sumber air negeri pada kadar tiga sen/meter padu. Pada tahun 2016 hingga 2018, kadar Fi Air Mentah (Raw Water Fee) telah dinaikkan kepada enam sen/meter padu. Pada tahun 2018, Kerajaan negeri telah mengurangkan caj Bayaran Fi Air Mentah daripada enam sen/meter padu kepada tiga sen/meter padu. Langkah ini diambil bagi membantu meringankan beban kepada pengguna berikutan banjir yang berlaku pada 4 November 2017. Pada tahun 2019 hingga 2021, Kerajaan negeri memutuskan untuk mengekalkan bayaran air mentah pada kadar tiga sen/meter padu bagi mengurangkan beban kewangan PBAPP. Bagi tahun berakhir 2021, anggaran baki Bayaran Fi Air Mentah adalah berjumlah RM6.18 juta.

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti ABT, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Peraturan mengenai tunggakan hasil dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89(a) yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perbendaharaan Negeri dengan sesalinannya kepada Jabatan Audit Negara. Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 5 Tahun 2021 juga menjelaskan tatacara penyediaan penyata tunggakan hasil jabatan.

10.1.2. Pada tahun 2021, ABT Kerajaan negeri berjumlah RM86.03 juta, menurun sebanyak RM13.58 juta (13.6%) berbanding RM99.61 juta pada tahun 2020. Butiran yang mencatatkan penurunan melibatkan tunggakan cukai tanah sebanyak RM10.79 juta (14.5%), ansuran/sewa rumah kos rendah sebanyak RM2.87 juta (13.4%) dan Pinjaman Penuntut sebanyak RM0.05 juta (1.3%). Tunggakan hasil pula menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.13 juta (65%). Kedudukan baki ABT pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
KEDUDUKAN BAKI AKAUN BELUM TERIMA
PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	63.44	74.23	(10.79)	(14.5)
2.	Ansuran/Sewa Rumah Kos Rendah	18.50	21.37	(2.87)	(13.4)
3.	Pinjaman Penuntut	3.76	3.81	(0.05)	(1.3)
4.	Hasil Lain	0.33	0.20	0.13	65
JUMLAH		86.03	99.61	(13.58)	(13.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 dan 2020 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

10.1.3. PDT Seberang Perai Tengah merekodkan ABT tertinggi iaitu berjumlah RM20.63 juta (24%) dan diikuti dengan PDT Daerah Timur Laut berjumlah RM18.51 juta (21.5%) melibatkan tunggakan cukai tanah. Perumahan Negeri (Rumah dan Kedai) merekodkan ABT ketiga tertinggi berjumlah RM18.38 juta (21.4%). Baki ABT Perumahan Negeri (Rumah dan Kedai) tersebut merupakan tunggakan hasil Bahagian Perumahan, PSUKPP pada 31 Disember 2020. Baki ini tidak boleh dipindah milik kepada LPNPP yang telah diperbadankan pada 1 Januari 2021 dan kekal sebagai tunggakan hasil Kerajaan negeri selaras dengan keputusan MMK Bilangan 24 Tahun 2020 yang dibentangkan pada 8 Julai 2020 dan disahkan pada 15 Julai 2020. Butiran analisis ABT adalah seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
ANALISIS AKAUN BELUM TERIMA TERTINGGI BAGI TAHUN 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT/UNIT	AKAUN (RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah	20.63	24
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut	18.51	21.5
3.	Perumahan Negeri (Rumah dan Kedai)	18.38	21.4
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara	14.11	16.4
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan	7.69	8.9
6.	Unit Pinjaman Penuntut	3.76	4.3
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya	2.64	3.1
8.	Lain-lain Jabatan	0.31	0.4
JUMLAH		86.03	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

10.1.4. Berdasarkan keseluruhan ABT yang direkodkan, **sejumlah RM61.35 juta (71.3%) merupakan ABT yang telah melebihi tempoh enam tahun (72 bulan)**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 47**.

JADUAL 47
ANALISIS AKAUN BELUM TERIMA MENGIKUT TEMPOH TUNGGAKAN

BIL.	USIA AKAUN BELUM TERIMA	AMAUN (RM Juta)	(%)
1.	Hingga enam (6) bulan	0.99	1.1
2.	Lebih dari enam (6) bulan hingga dua belas (12) bulan	3.79	4.4
3.	Lebih dari dua belas (12) bulan hingga tiga puluh enam (36) bulan	11.24	13.1
4.	Lebih tiga puluh enam (36) bulan hingga tujuh puluh dua (72) bulan	8.66	10.1
JUMLAH		24.68	28.7
5.	Lebih tujuh puluh dua (72) bulan hingga seratus dua puluh (120) bulan	5.97	6.9
6.	Lebih dari seratus dua puluh (120) bulan	55.38	64.4
JUMLAH		61.35	71.3
JUMLAH KESELURUHAN		86.03	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 dan Rekod Jabatan Kewangan Negeri

10.1.5. Analisis selanjutnya mendapati PDT Seberang Perai Tengah, PDT Daerah Timur Laut dan Perumahan Negeri (Rumah dan Kedai) mempunyai ABT melebihi tempoh enam tahun yang tertinggi. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 48**.

JADUAL 48
ANALISIS AKAUN BELUM TERIMA MELEBIHI TEMPOH 6 TAHUN

BIL.	JABATAN	AKAUN BELUM TERIMA		
		KESELURUHAN (RM Juta)	MELEBIHI TEMPOH 6 TAHUN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah	20.63	16.74	81.1
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut	18.51	13.41	72.4
3.	Perumahan Negeri (Rumah dan Kedai)	18.38	11.43	62.2
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara	14.11	11.27	79.9
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan	7.69	6.18	80.4
6.	Unit Pinjaman Penuntut	3.76	1.18	31.4
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya	2.64	1.09	41.3
8.	Lain-lain Jabatan	0.31	0.05	16.1
JUMLAH		86.03	61.35	71.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

10.1.6. Antara tindakan yang diambil oleh Jabatan untuk mengutip tunggakan cukai tanah adalah mengeluarkan Notis Peringatan Bayaran Cukai, membuat carian alamat terkini di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), menghantar Notis 6A bagi proses perampasan tanah. Selain itu, Jabatan juga membenarkan bayaran tunggakan dibuat secara ansuran dan menyediakan kemudahan

bayaran secara atas talian. Bagi tunggakan pinjaman penuntut, tindakan adalah dengan melantik ejen kutipan, mengeluarkan notis peringatan, tindakan undang-undang serta pengiklanan nama peminjam tegar dan paling tegar di poster dan laman web. Bagi tunggakan hasil lain seperti sewaan, tindakan adalah dengan mengeluarkan notis peringatan dan pengecualian bayaran sewaan.

10.1.7. Semakan Audit mendapati sejumlah RM21.63 juta tunggakan hasil atau ABT yang tidak boleh didapatkan di bawah Arahan Perbendaharaan 328(a) telah dihapus kira melibatkan empat PDT dan satu Unit Pinjaman Penuntut. Jumlah tunggakan Hasil Cukai Tanah yang dihapus kira berjumlah RM21.60 juta telah berusia melebihi tempoh 10 tahun. Bagi Pinjaman Penuntut yang dihapus kira berjumlah RM34,200 melibatkan peminjam yang meninggal dunia, mendapat pengecualian bayaran dan telah menolak tawaran. Tunggakan hasil yang tidak boleh didapatkan untuk hapus kira akan diperakukan terlebih dahulu oleh Pegawai Daerah dan Tanah serta Pegawai Kewangan Negeri, seterusnya diangkat untuk kelulusan YAB Ketua Menteri. Semakan Audit selanjutnya mendapati kesemua tunggakan hasil yang dihapus kira dalam tahun kewangan 2021 telah mendapat kelulusan YAB Ketua Menteri. Hapus kira bagi tunggakan hasil Cukai Tanah dibuat kerana tanah telah dirampas dan tanah telah menjadi milik Kerajaan negeri serta akaun Cukai Tanah telah dibatalkan dalam e-Tanah. Selain itu, didapati tiada hapus kira melibatkan tunggakan Hutang-hutang Lain pada tahun 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 49**.

JADUAL 49
HAPUS KIRA TUNGGAKAN AKAUN BELUM TERIMA BAGI TAHUN 2021

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH	JENIS HAPUSKIRA	TARIKH KELULUSAN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut	Tunggakan hasil cukai tanah	08.01.2021 19.04.2021 30.07.2021	21,299,969.42
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah	Tunggakan hasil cukai tanah	22.06.2021 17.12.2021	181,786.70
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan	Tunggakan hasil cukai tanah	05.03.2021 05.10.2021 14.12.2021	46,492.00
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya	Tunggakan hasil cukai tanah	19.08.2021 26.10.2021 05.10.2021	70,317.00
5.	Unit Pinjaman Penuntut	Pinjaman Penuntut	23.12.2020 03.05.2021	34,200.00
JUMLAH				21,632,765.12

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2021 serta Rekod Jabatan Kewangan Negeri

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada akhir tahun 2021 adalah kukuh seperti berikut:

11.1. Kumpulan Wang Disatukan mencatatkan peningkatan sebanyak RM295.54 juta (16.2%) kepada RM2.117 bilion berbanding RM1.821 bilion pada tahun 2020;

11.2. Baki Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2021 telah berkurangan sebanyak RM38.97 juta (4.4%) menjadikannya berjumlah RM848.81 juta berbanding sejumlah RM887.78 juta pada tahun 2020;

11.3. Pelaburan keseluruhan Kerajaan negeri termasuk yang dilaporkan di bawah Penyata Akaun Memorandum telah meningkat sebanyak RM158.52 juta (8%) menjadi RM2.149 bilion pada tahun 2021 berbanding pelaburan keseluruhan sejumlah RM1.991 bilion pada tahun 2020;

11.4. Terimaan faedah, dividen dan keuntungan keseluruhan bagi pelaburan berkurangan sebanyak RM42.44 juta (43.8%) menjadi RM54.52 juta pada tahun 2021 berbanding RM96.96 juta pada tahun 2020;

11.5. Kerajaan negeri tidak mengambil pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dalam tahun 2021;

11.6. Pembayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan telah dibuat mengikut jadual dan tiada tunggakan bayaran balik pinjaman; dan

11.7. ABT Kerajaan negeri berkurangan sebanyak RM13.58 juta (13.6%) menjadi RM86.03 juta berbanding RM99.61 juta pada tahun 2020. Sejumlah RM21.63 juta tunggakan hasil atau ABT yang tidak boleh didapati di bawah Arahan Perbendaharaan 328(a) telah dihapus kira melibatkan empat PDT dan satu Unit Pinjaman Penuntut di Pulau Pinang.

12. SYOR AUDIT

Kerajaan negeri disyorkan untuk mengambil tindakan berikut:

12.1. mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan pelaburan dengan lebih teratur bagi memastikan simpanan tetap mengikut kategori di Penyata Kewangan adalah tepat;

12.2. meneruskan usaha meningkatkan kutipan hasil dan terus mengamalkan perbelanjaan berhemat bagi memastikan kedudukan kewangannya kekal kukuh;

12.3. mengkaji semula Arahan Akaun Amanah bagi memastikan akaun-akaun amanah dikendalikan dengan teratur selaras dengan tujuan penubuhannya;

12.4. menyemak kembali senarai deposit dan mengambil tindakanewartakan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan;

12.5. JKN perlu melaksanakan pengujian di peringkat pembangunan dengan lebih teliti dan menyeluruh bagi memastikan ketepatan angka laporan yang dijana melalui iSPEKS;

12.6. meneruskan usaha untuk mengutip tunggakan hasil berjumlah RM86.03 juta pada akhir tahun 2021 terutama tunggakan cukai tanah; dan

12.7. memberi perhatian serius kepada ABT yang telah melebihi tempoh enam tahun memandangkan 71.3% daripada jumlah keseluruhan ABT telah melebihi tempoh tersebut dan sebahagian ABT adalah tertakluk kepada Akta Had Masa 1953 (Akta 254).

